

24 APR 1999

KOH SELAR WASHINGTON POST

PULAU PINANG, 24 April (Bernama) -- Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, hari menyelar laporan akhbar Washington Post kerana menyiarkan sebuah artikel bertajuk 'Mr Mahathir' Disgrace' pada 19 April lepas.

Katanya, akhbar itu tidak melambangkan profesional kewartawanan kerana membuat laporan tanpa berasaskan fakta sebenar mengenai pembangunan dan perkembangan pelaburan asing di Malaysia.

"Saya mengambil contoh di negeri ini sahaja, tiga buah syarikat milik Amerika telah menambahkan pelaburan berjumlah RM5.5 billion sejak September tahun lepas.

"Ini membuktikan bahawa pelabur asing begitu yakin dengan usaha-usaha pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan", katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata, tiga buah syarikat itu ialah Intel yang menambah pelaburan berjumlah RM2.8 bilion, Hewlett Packard (RM1.7 bilion) dan Advance Micro Devices (AMD) yang menambah pelaburan sebanyak RM1 bilion.

Katanya, peningkatan pelaburan yang begitu besar merupakan satu undi berbantuk wang yang diberikan kepada kerajaan Malaysia.

Oleh itu wartawan Washington Post seharusnya datang ke negara ini dan menyemak fakta sebelum membuat sesuatu berita mengenai negara ini, katanya.

-- BERNAMA

AA WAT